

**SYARAT DAN TERMA KHUSUS BAGI
AKAUN SEMASA MATAWANG ASING-I
BERASASKAN KONSEP TAWARRUQ
(Tarikh Berkuatkuasa 7 Jun 2018)**

3.0 DEFINISI

Di dalam Terma dan Syarat ini, perkataan-perkataan berikut mempunyai maksud seperti yang berikut:-

"Akaun Semasa Matawang Asing-i" merujuk kepada akaun semasa yang membenarkan pelanggan membuat deposit dan pengeluaran dalam mata wang asing pilihannya melalui MBSB Bank.

"Akaun Ringgit Malaysia" bererti akaun semasa/simpanan yang dibuka dan digunakan oleh Pemegang Akaun untuk tujuan pengkreditan pendapatan dari jualan/pendebitan untuk pembelian mata wang asing dan pendebitan yuran-yuran dan caj-caj berkenaan dengan FCA-i.

"Bai' Al-Sarf" merujuk kepada kontrak pertukaran wang untuk matawang jenis yang sama atau berbeza.

"Baki Hari" merujuk kepada baki bilangan hari dari tarikh semasa hingga Tarikh Matang Harga Jualan.

"Deposit Bersih Harian" (DBH) merujuk kepada baki penghujung hari pada mana-mana hari, tidak termasuk apungan dan hanya mewakili perbezaan positif deposit harian tolak pengeluaran harian.

"Ejen" bermaksud pihak Bank yang dilantik oleh Pelanggan bagi melaksanakan semua tindakan tertentu bagi pihak Pelanggan di bawah kontrak *Wakalah* dalam perkara-perkara berhubung dengan *Tawarruq* selaras dengan terma dan syarat di bawah.

"FCA-i" merujuk kepada sebarang akaun mata wang asing termasuk Akaun Semasa Matawang Asing-i berkonsepkan *Tawarruq*.

"Hamish Jiddiyah" merujuk kepada Deposit Sekuriti (DS) yang diletakkan untuk menjamin akujanji untuk membeli aset sebelum perlaksanaan kontrak perjanjian jual beli. Di bawah asas *Tawarruq*, DS yang diletakkan oleh Bank adalah untuk menjamin akujanji membeli Komoditi daripada Pelanggan. Ia hanya terpakai sekiranya terdapat sebarang amaun DBH di hari terakhir pada bulan tersebut di mana pembelian Komoditi hanya akan dilaksanakan pada hari berikutnya.

"Hari Pengkreditan Keuntungan" ialah di mana jumlah keuntungan terakru bagi suatu tempoh tertentu akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan sebagai penyelesaian sebahagian daripada Harga Jualan.

"Harga Belian" merujuk kepada sejumlah amaun yang bersamaan dengan Deposit Bersih Harian dan / atau Jumlah Baki Keseluruhan yang mana akan digunakan untuk membeli Komoditi pada Tarikh Belian.

"Harga Jualan" bermaksud sejumlah amaun yang perlu dibayar oleh Bank untuk memiliki Komoditi daripada Pelanggan berasaskan konsep *Murabahah* yang terdiri daripada Harga Belian Komoditi dan Keuntungan.

"Jumlah Baki Keseluruhan" merujuk kepada jumlah baki tahun sebelumnya pada 31 Disember yang akan digunakan untuk pengiraan Harga Jualan pada setiap tahun yang baru.

"Kadar Keuntungan Efektif" (KKE) merujuk kepada kadar keuntungan sebenar yang digunakan untuk mengira jumlah keuntungan terakru dan pengkreditan keuntungan.

"Kadar Keuntungan Siling (KKS)" merujuk kepada kadar yang digunakan untuk mengira Keuntungan Siling Harga Jualan.

"Keuntungan Sebenar" merujuk kepada keuntungan terakru yang dikira pada Kadar Keuntungan Efektif ("KKE") yang

Terma dan Syarat khusus yang dinyatakan di sini akan diguna pakai bagi kesemua produk Akaun Semasa Matawang Asing-i (FCA-i) yang berasaskan konsep Syariah *Tawarruq* yang ditawarkan oleh Bank. Produk-produk ini adalah tertakluk di bawah undang-undang Malaysia dan prinsip-prinsip Syariah.

Terma dan Syarat Khusus ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum bagi CASA-i. Kesemua definisi yang digunakan dalam Terma dan Syarat Umum akan mempunyai maksud yang sama apabila digunakan di dalam Terma dan Syarat Khusus ini.

Terma dan Syarat Khusus ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat bagi setiap jenis produk / akaun yang terdapat dalam Terma & Syarat Umum. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, kekaburan atau pertikaian di dalam tafsiran Terma dan Syarat Khusus ini dan Terma dan Syarat yang dinyatakan bagi setiap jenis produk / akaun yang terdapat dalam Terma & Syarat Umum, Terma dan Syarat Khusus tersebut bagi setiap produk / akaun akan diguna pakai.

1.0 UMUM

1.1 Produk FCA-i ini beroperasi berdasarkan konsep Syariah *Tawarruq* di mana Pelanggan melantik Bank di bawah kontrak *Wakalah*, sebagai ejennya untuk membeli Komoditi daripada mana-mana peniaga komoditi dan menjualnya semula kepada Bank di bawah kontrak *Murabahah/ Musawamah* melalui pembayaran secara tangguh.

Di bawah aturan ini;

- i. Bank bertindak sebagai ejen akan membeli Komoditi bagi pihak Pelanggan pada Harga Belian Komoditi yang bersamaan dengan jumlah yang didepositkan dengan Bank;
- ii. Selepas itu Bank akan membeli Komoditi daripada Pelanggan pada Harga Jualan yang akan dibayar kepada Pelanggan pada tarikh matang;
- iii. Bank kemudiannya menjual Komoditi pada pihak ketiga.

1.2 FCA-i juga melibatkan pertukaran mata wang asing di mana konsep Bai 'al-Sarf (pertukaran mata wang asing) digunakan untuk tukaran mata wang dari satu mata wang kepada mata wang lain yang dikehendaki. Sebagai contoh, Ringgit Malaysia ("MYR") kepada mata wang asing ("FCY"), FCY kepada FCY yang lain.

1.3 Pelanggan yang memohon untuk membuka produk FCA-i dengan Bank adalah tertakluk kepada Terma & Syarat yang mengawasi operasi produk FCA-i dan berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

1.3 Terma & Syarat ini juga bertujuan untuk dibaca bersama dengan risalah-risalah, brosur-brosur atau mana-mana Terma & Syarat berkaitan yang dikeluarkan oleh Bank yang mana mungkin berubah dari semasa ke semasa mengikut jenis akaun yang dibuka oleh Pelanggan.

2.0 PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM")

2.1 Produk deposit ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").

2.2 Tertakluk kepada versi terkini Garis Panduan PIDM dan termasuk apa jua pindaan berkanun atau penubuhan semula, mana-mana modal akan diinsuranskan sehingga jumlah maksimum Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) termasuk modal permulaan dan mana-mana dividen (keuntungan) sedia ada.

dikreditkan ke dalam akaun FCA-i Pelanggan secara berkala sebagai sebahagian daripada penyelesaian Harga Jualan.

"Keuntungan Siling" merujuk kepada keuntungan siling yang dikira pada Kadar Keuntungan Siling ("KKS") yang merupakan suatu komponen keuntungan di dalam Harga Jualan.

"Komoditi" bermaksud barangan dan / atau komoditi yang patuh Syariah (tidak termasuk item *ribawi* di dalam kategori medium pertukaran seperti mata wang, emas dan perak) yang boleh diterima oleh Bank, dibeli melalui mana-mana platform peniaga komoditi yang dilantik oleh Bank dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank yang akan dikendalikan sebagai aset pendasar bagi memudahkan transaksi *Tawarruq*.

"Murabahah" merujuk kepada jual dan beli komoditi di mana kos pemerolehan dan margin adalah dinyatakan kepada pembeli.

"Musawamah" merujuk kepada jual dan beli komoditi di mana kos pemerolehan dan margin tidak dinyatakan kepada pembeli.

"Notis Tawarruq" merujuk kepada penyata tahunan yang mengandungi semua maklumat transaksi perdagangan Komoditi yang dihantar oleh Bank kepada Pelanggan.

"Pelanggan" bermaksud pelanggan Bank di mana permohonan FCA-i *Tawarruq* telah diterima oleh Bank dan FCA-i *Tawarruq* tersebut diselenggarakan dengan Bank

"Perdagangan Komoditi" bermaksud urus niaga jual beli selaras dengan prinsip Syariah *Tawarruq*.

"Rebat (Ibra)" merujuk kepada "pengecualian ke atas hak tuntutan" yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang mana ia mempunyai kewajipan untuk menyelesaikannya.

"Transaksi Belian" merujuk kepada apabila Pelanggan membeli Komoditi (melalui Bank yang bertindak sebagai ejen mereka) daripada peniaga komoditi pada Harga Belian.

"Tarikh Matang" merujuk kepada 31 Disember tahun semasa di mana Transaksi Jualan dilaksanakan.

"Transaksi Jualan" merujuk apabila Pelanggan menjual Komoditi (melalui Bank yang bertindak sebagai ejennya) kepada Bank pada Harga Jualan.

"Tawarruq" terdiri daripada dua kontrak jualan dan belian di mana kontrak pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara tertunda dan jualan berikutnya melibatkan penjualan aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai. Melalui produk ini, Pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada mana-mana peniaga komoditi dan selepas itu, menjual Komoditi kepada Bank pada Harga Jualan berasaskan *Murabahah* yang mana akan dibayar kepada Pelanggan pada Tarikh Matang (selepas mengambil kira sebarang rebat, jika ada). Bank selepas itu menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.

"Tarikh Penamatan" merujuk kepada tarikh Pelanggan menutup FCA-i dan mengeluarkan kesemua baki.

"Tarikh Dagangan" merujuk kepada hari-hari bila mana Dagangan Komoditi dilaksanakan dari Isnin hingga Ahad dan di mana platform perdagangan komoditi dibuka untuk dagangan.

"Undang-undang Pentadbiran Pertukaran Asing" ("FEA Rules") bererti notis-notis dan arahan yang dikeluarkan mengikut Seksyen 225 Akta Perkhidmatan Kewangan Islamik 2013 [Akta 759] dan sebarang perubahan kepadanya.

"Wakalah" bermaksud kontrak di mana satu pihak memberi kebenaran kepada pihak yang lain sebagai ejennya untuk

melaksanakan tindakan tertentu bagi hal-hal yang boleh diwakilkan secara sukarela atau dengan mengenakan bayaran.

"Wa'd" bermaksud janji atau akujanji, merujuk kepada ekspresi komitmen yang diberikan oleh suatu pihak kepada pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa akan datang.

4.0 YURAN-YURAN DAN CAJ-CAJ

4.1 MBSB Bankberhak mengenakan yuran-yuran/caj-caj/komisen untuk sebarang perkhidmatan yang diberikan berkenaan FCA-i. Segala yuran-yuran/caj-caj/komisen akan didebitkan dari FCA-i atau Akaun Ringgit Malaysia.

4.2 Apabila yuran-yuran/caj-caj/komisen didebitkan dari Akaun Ringgit Malaysia, mata wang asing yang relevan akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia mengikut kadar kaunter terkini pada tarikh urus niaga.

5.0 AKAUN-AKAUN DORMAN

5.1 Mana-mana FCA-i yang tidak mempunyai urus niaga melebihi satu tahun akan diklasifikasikan sebagai Akaun Dorman.

5.2 Untuk mengaktifkan semula Akaun Dorman, urus niaga mesti dilakukan sendiri oleh Pemegang Akaun itu di kaunter mana-mana cawangan MBSB Bank dan tertakluk kepada pengesahan pemegang akaun.

5.3 Penyata akaun tidak akan dihantar kepada Pemegang Akaun apabila FCA-i tersebut telah diklasifikasikan sebagai Akaun Dorman.

5.4 MBSB Bank akan menutup Akaun Dorman yang tidak mempunyai baki.

5.5 Sebarang Baki Sedia Ada dalam Akaun Dorman yang tidak dituntut selepas tempoh 7 tahun akan ditukar ke Ringgit Malaysia dan dipindahkan oleh MBSB Bank kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Pemegang Akaun selepas itu mesti berurusan secara langsung dengan Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia berhubung dengan Baki Sedia Ada dalam FCA-i beliau.

5.6 Segala yuran-yuran dan caj-caj yang dikenakan oleh Pihak Bank untuk pengurusan dan pentadbiran Akaun Dorman tersebut akan dicajkan kepada Akaun Dorman tersebut sehingga Baki Sedia Ada dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia oleh pihak Bank.

6.0 PEMATUHAN DENGAN UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN PERTUKARAN ASING ("FEA RULES")

6.1 Pelanjutan pengendalian FCA-i tersebut tertakluk kepada undang-undang, peraturan-peraturan dan had-had yang ditetapkan dalam FEA Rules dan arahan yang dikeluarkan oleh BNM di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA 2013") dan sebarang pindaannya.

6.2 Pemegang Akaun mesti memastikan semua pemindahan pembayaran dari atau ke dalam FCA-i mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan had-had terkini yang ditetapkan oleh FEA Rules dan arahan yang dikeluarkan oleh BNM di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA 2013") dan pindaannya. Sekiranya deposit Pemegang Akaun dalam FCA-i tertakluk kepada sebarang syarat-syarat/had-had yang ditetapkan dalam FEA Rules, maka Pemegang Akaun adalah tertakluk dan mesti mematuhi had-had yang ditetapkan olehnya.

6.3 MBSB Bankberhak untuk melihat, meminta dan mengesahkan sebarang dokumen daripada pemegang akaun untuk

memastikan ketepatan maklumat yang diberikan oleh pemegang akaun kepada MBSB Bank.

6.4 Pemegang Akaun perlu menanggung segala kerugian bagi pihak Bank untuk sebarang tindakan yang diambil oleh pihak Bank untuk memenuhi keperluan undang-undang, peraturan-peraturan dan had-had yang ditetapkan dalam FEA Rules.

7.0 PEMBAYARAN & PENGELUARAN DARI FCA-i

7.1 Semua pengeluaran atau pembayaran kepada FCA-i mesti dilakukan melalui Draf, Pemindahan Wang Secara Elektronik, Wang Pos atau dikreditkan ke dalam Akaun Ringgit Malaysia. Pengeluaran dan kemasukan wang tunai di kaunter atau mesin ATM adalah tidak dibenarkan.

8.0 TERMA-TERMA SELANJUTNYA

8.1 Untuk Akaun Semasa Mata Wang Asing: Tiada buku cek akan dikeluarkan untuk Akaun tersebut. Semua pengeluaran mesti dibuat melalui arahan secara bertulis oleh Pemegang Akaun kepada pihak Bank. Pemegang Akaun akan dimaklumkan bahawa pihak Bank mungkin mengenakan caj perkhidmatan ke atas Akaun Semasa Mata Wang Asing tersebut.

8.2 Terma-terma dan Syarat-syarat lain yang tertakluk kepada FCA-i ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Umum bagi CASA-i, yang sedia ada dalam laman web MBSB Bank (www.mbsbbank.com) dan cawangan-cawangannya.

9.0 PERLANTIKAN SEBAGAI EJEN

4.1 Berdasarkan konsep *Wakalah*, Pelanggan (bertindak sebagai "Prinsipal") bersetuju untuk melantik Bank (bertindak sebagai "ejen") dan Bank bersetuju untuk menerima pelantikan itu sebagai ejen Pelanggan untuk pembelian dan penjualan urusniaga Komoditi ("Perdagangan Komoditi") mengikut Terma dan Syarat ini. Bank hanya akan bertindak sebagai ejen Pelanggan dan tidak akan menganggap, atau dianggap atau telah menganggap, sebarang obligasi tambahan atau mempunyai sebarang hubungan istimewa dengan Pelanggan selain daripada yang dibayangkan dalam Terma dan Syarat ini.

i. untuk melaksanakan dan menyempurnakan semua perkara yang berkaitan dengan pembelian komoditi secara tunai melalui perjanjian pembelian, sijil dan lain-lain instrumen/ suratcara dan berunding dengan peniaga komoditi bagi pihak Pelanggan mengenai perkara-perkara yang berkaitan; dan

ii. untuk menjual komoditi bagi pihak Pelanggan secara pembayaran tertunda kepada Bank pada jumlah kos bersama keuntungan ("Harga Jualan"), melaksanakan dan menyempurnakan semua perkara berkaitan jualan komoditi ("Transaksi Jualan").

4.2 Bank akan berusaha untuk memelihara kepentingan Pelanggan dengan sebaik-baiknya dan bertindak dengan ikhlas dalam melaksanakan kewajibannya untuk membeli dan menjual Komoditi.

4.3 Pelanggan mempunyai hak untuk memohon dan mengambil milikan fizikal komoditi. Sekiranya Pelanggan menggunakan hak tersebut untuk mengambil penyerahan fizikal, semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

4.4 Pelanggan melindungi Bank terhadap semua kerugian, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang dituntut oleh mana-mana pihak dan/ atau ditanggung atau dialami Bank akibat pembelian komoditi di bawah transaksi di sini sebagai ejen kepada Pelanggan atau pelanggaran oleh Pelanggan terhadap mana-mana tanggungjawab mereka di sini. Ganti rugi yang diberikan akan berkecualan walaupun Terma & Syarat ini telah ditamatkan dan setiap jumlah yang dibayar tidaklah tertakluk kepada apa-apa potongan sama ada dengan cara menolak tuntutan balas atau sebaliknya.

4.5 Pelanggan tidak boleh membatalkan pelantikan Bank sebagai ejen selagi akaun FCA-i masih wujud. Pelantikan Bank sebagai ejen Pelanggan adalah terhenti dengan penutupan akaun tersebut.

4.6 Bank tidak tertakluk untuk memasuki sebarang transaksi atau mengikut sebarang arahan daripada Pelanggan, jika pada pendapatnya dengan memasuki urus niaga tersebut, Bank dan gabungannya akan terdedah kepada pelanggaran mana-mana undang-undang, dasar, syarat atau peraturan.

5.0 TRANSAKSI DAGANGAN KOMODITI

5.1 Sebagai ejen Pelanggan, Bank hendaklah memasuki Transaksi Pembelian seperti yang ditetapkan Bank seperti berikut;

- i. Bank hendaklah menjalankan urus niaga *Tawarruq* pada Hari Dagangan yang jatuh pada hari berikutnya selepas tarikh penempatan deposit, tertakluk kepada amaun Deposit Bersih Harian; dan
- ii. Bank hendaklah menjalankan urus niaga *Tawarruq* pada Hari Dagangan yang jatuh pada hari berikutnya pada setiap setiap tahun baru pada Jumlah Baki Keseluruhan.

5.2 Sekiranya Tarikh Dagangan lewat daripada tarikh Harga Belian yang dibayar kepada Bank, Harga Belian akan dianggap sebagai *Qard* (pinjaman) kepada Bank sebelum Transaksi Belian. Dalam hal ini, Pelanggan memberi kebenaran kepada Bank untuk menggunakan Harga Belian dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank.

5.3 Sehubungan dengan setiap Transaksi Pembelian, Bank (sebagai "Pembeli Komoditi") hendaklah memberi janji (*Wa'd*) kepada Pelanggan dan bersetuju untuk membeli semula Komoditi tersebut daripada Pelanggan apabila selesai Transaksi Pembelian.

5.4 Harga Jualan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{Harga Jualan} = \text{Harga Belian} + \text{Keuntungan Siling}$$

5.5 Harga Jualan adalah ditanggung kepada dua kaedah aliran tunai:

- i. Bahagian Prinsipal iaitu amaun deposit hendaklah dibayar pada setiap Tarikh Matang iaitu 31 Disember (dan tahun-tahun berikutnya);
- ii. Keuntungan Sebenar hendaklah dibayar pada setiap bulan. Kadar keuntungan sebenar adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif seperti di bawah:

$$\text{Keuntungan Sebenar} = \frac{\text{Baki Penghujung Hari}}{\text{Hari}} \times \text{KKE} \times \frac{\text{Bilangan Hari}}{360 \text{ or } 365 \text{ or } 366}$$

5.6 Keuntungan Siling dikira berdasarkan formula seperti berikut: -

$$\text{Keuntungan Siling} = \text{Harga Belian} \times \text{KKS} \times \frac{\text{Baki Hari}}{360 \text{ or } 365 \text{ or } 366}$$

5.7 Pada Tarikh Matang, Bank akan melaburkan semula Jumlah Baki Keseluruhan di dalam akaun FCA-i Pelanggan dan memasuki Perdagangan Komoditi baru untuk tempoh yang akan matang pada 31 Disember tahun berikutnya.

6.0 HAMISH JIDDIYYAH (DEPOSIT SEKURITI)

6.1 *Hamish Jiddiyah* adalah merupakan amaun deposit sekuriti di mana Bank akan mengkreditkan ke dalam akaun Pelanggan pada Hari Pengkreditan Keuntungan.

6.2 *Hamish Jiddiyah* diberikan sebagai jaminan daripada Bank kepada Pelanggan untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan pada setiap Tarikh Belian.

bahawa ianya berasal daripada Pelanggan jika permohonan tersebut dikemukakan oleh pihak ketiga atau diterima melalui e-mel atau faks.

Jika terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan di antara teks Bahasa Inggeris dan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

6.3 *Deposit* Sekuriti dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{Deposit Sekuriti} = \frac{\text{Deposit Bersih Harian} \times \text{KKE} \times n}{360 \text{ or } 365 \text{ or } 366}$$

Di mana;

n = Bilangan hari sebelum Dagangan Komoditi yang berlaku sebelum Hari Pengkreditan Keuntungan.

6.4 *Hamish Jiddiyyah* tidak boleh digunakan oleh Pelanggan sebelum pelaksanaan Dagangan Komoditi.

6.5 Setelah Dagangan Komoditi dilaksanakan, *Hamish Jiddiyyah* akan ditolak dengan Keuntungan Sebenar.

6.6 *Hamish Jiddiyyah* hendaklah dikembalikan kepada Bank sekiranya Transaksi Belian tidak berlaku. Bagaimanapun, Bank boleh menyetepikan haknya ke atas *Hamish Jiddiyyah* pada keadaan tertentu seperti penutupan akaun FCA-i sebelum Dagangan Komoditi.

7.0 REBAT (IBRA')

7.1 Pelanggan hendaklah bersetuju untuk memberikan rebat di bawah konsep *Ibra'* tertakluk kepada berlakunya peristiwa-peristiwa tertentu termasuk dan tidak terhad kepada: -

- i. Pengeluaran dana sebelum Tarikh Matang;
- ii. Semasa penamatan akaun sebelum Tarikh Matang;
- iii. Perbezaan antara KKS dan KKE pada Tarikh Matang, memandangkan komponen keuntungan Harga Jualan adalah dikira menggunakan KKS yang melebihi keuntungan agregat semasa yang dikira menggunakan KKE berdasarkan formula berikut:

$$\text{Rebate} = \frac{\text{Agregat Keuntungan Siling}}{\text{Agregat Keuntungan yang Telah Diakru}}$$

7.2 *Pelanggan* dengan ini bersetuju bahawa penentuan Bank terhadap sebarang amaun keuntungan yang perlu dibayar kepada Pelanggan di bawah akaun FCA-i ini adalah muktamad, konklusif dan terikat terhadap Pelanggan melainkan berlakunya kesilapan nyata.

8.0 KADAR KEUNTUNGAN

8.1 Pembukaan akaun FCA-i adalah tertakluk kepada Kadar Keuntungan Efektif yang akan dimaklumkan kepada Pelanggan semasa pembukaan akaun dan akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

8.2 Kadar keuntungan akan dikreditkan pada setiap bulan.

9.0 NOTIS TAWARRUQ

9.1 Notis *Tawarruq* tahunan, iaitu senarai butiran transaksi *Tawarruq* iaitu Harga Belian, Harga Jualan, Jumlah Keuntungan, Jumlah Keuntungan Dikredit, Jumlah Rebate dan sebagainya, dalam tempoh tersebut yang akan dikeluarkan oleh Bank dan dihantar melalui pos kepada Pelanggan di alamat terakhir yang didaftarkan dengan Bank.

9.2 Pelanggan juga boleh membuat permintaan untuk mendapat notis di mana-mana cawangan Bank, melalui e-mel atau faks tertakluk kepada caj semasa yang dikenakan oleh Bank.

9.3 Dalam hal di mana Bank terpaksa bergantung dan membuat pengesahan lisan dengan Pelanggan atau penandatanganan yang diberi kuasa melalui telefon, Pelanggan bersetuju bahawa Bank diberi kuasa untuk melaksanakan, bergantung dan bertindak ke atas pengesahan/ arahan melalui telefon sedemikian di mana Bank semunasabahnya mempercayai

[Tamat]